

23/06/2005

IDB-MAHATHIR

MAHATHIR DILANTIK Pengerusi Suruhanjaya Wawasan 2020 IDB

Oleh: Arul Rajoo

PUTRAJAYA, 23 Jun (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad telah dilantik sebagai pengerusi Suruhanjaya Wawasan 1440H Bank Pembangunan Islam (IDB) untuk membentuk Wawasan 2020 dunia Islam.

Pengumuman itu dibuat oleh Perdana Menteri dan Pengerusi Lembaga Gabenor IDB Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika menyampaikan ucapan di mesyuarat tahunan itu di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya di sini hari ini.

Katanya, Suruhanjaya Wawasan 1440H itu diwujudkan oleh IDB untuk membentuk wawasan yang akan memandu kumpulan itu bagi melaksanakan inisiatif strategi dan untuk membawa kemakmuran dan pembangunan ke dunia Islam.

"Ia akan merangkumi agenda ekonomi, tadbir urus dan sosial serta keperluan pembangunan masa depan," katanya.

Abdullah berkata, Malaysia yang sedang melaksanakan Wawasan 2020nya sendiri untuk menjadi sebuah negara maju dalam tempoh 15 tahun dari sekarang, akan menyokong kesemua aktiviti suruhanjaya itu.

Dr Mahathir yang bersara sebagai Perdana Menteri dalam 2003, adalah instrumental dalam pembentukan Wawasan 2020 Malaysia.

-- BERNAMA

AR SHY AHM